

# **Pengaruh Islam Menerusi Manuskrip Syair Madhi: Analisis Teori Sosial Kognitif**

NURFARHANA SHAHIRA BINTI ROSLY  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia  
MALAYSIA  
[nfarhanashahirarosly@gmail.com](mailto:nfarhanashahirarosly@gmail.com)

PROF MADYA DR. MOHD SHARIFUDIN YUSOP  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,  
Universiti Putra Malaysia,  
MALAYSIA  
[mosy@upm.edu.my](mailto:mosy@upm.edu.my)

Received: March 20, 2018

Accepted : June 23, 2018

## ***ABSTRAK***

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkaitan antara pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat menerusi kandungan teks manuskrip yang telah ditransliterasi, iaitu manuskrip Syair Madhi. Manuskrip transliterasi Syair Madhi digunakan sebagai bahan kajian berikutan kandungan mesej dalam kisah berkenaan yang lebih berunsurkan kepada kemasyarakatan, iaitu berkenaan dengan unsur pertualangan dan pengembaraan. Kupasan analisis data mengenai sosial kognitif dalam bahan kajian dikaitkan dengan penerapan teori yang berkaitan, iaitu Teori Sosial Kognitif (Albert Bandura, 1989). Selain itu, kaedah yang digunakan ialah kaedah analisis teks bagi tujuan memudahkan proses menghuraikan data kajian. Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat penerapan banyak unsur keagamaan, iaitu pengaruh agama Islam dalam manuskrip Syair Madhi ini yang memberi kesan terhadap perkembangan sosial kognitif masyarakat. Penerapan tersebut dapat dilihat menerusi aktiviti berunsurkan keislaman yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian, keteguhan masyarakat mengenai kekuasaan Yang Maha Kuasa termasuklah juga penggunaan bahasa Arab menerusi hasil penulisan.

*Kata kunci: Pengaruh Islam, Syair Madhi, Sosial Kognitif, Kemasyarakatan, Sociolinguistik*

## **The Influence of Islam through the Manuscript of Madya Syair: An Analysis of Cognitive Social Theory**

### ***ABSTRACT***

*The aimed of this study is to analyze the relationship between the influence of Islam and cognitive social development among society through translation of manuscript, namely as Syair Madhi. Syair Madhi consist of the message that more oriented to community such as the elements of adventure*

*and travel. Analysis of data on social cognitive analysis is related to Social Cognitive Theory (Albert Bandura, 1989). In addition, the method used in this study is text analysis. The study found that there are a lot of religious elements in this Syair Madhi's manuscript. Those elements can improve the development of social cognitive society including the influence of Islam. The application can be seen through Islamic-based activities performed in daily life, the power of the Almighty and the use of the Arabic language through writing.*

*Key words: Islamic influence, Syair Madhi, Social Cognitive, Community, Sociolinguistics*

## **PENGENALAN**

Unsur sosiolinguistik yang menyentuh mengenai keagamaan terutamanya agama Islam sering menjadi aspek penting dalam penulisan sesebuah manuskrip. Corak berfikir yang dipengaruhi oleh agama dan kepercayaan Islam dapat memberi kesan yang baik kepada penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian masyarakat. Selain daripada memberi kesan positif kepada penggunaan bahasa, penerapan unsur keagamaan juga mampu mendatangkan impak yang baik kepada perkembangan sosial kognitif dalam kehidupan dan sosiobudaya masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi penerapan unsur keislaman dalam karya sastera yang dihasilkan. Kebanyakan karya sastera dihasilkan dengan penerapan unsur keislaman berikutan perkembangan zaman pra Islam dan zaman Islam yang berlaku. Kemasukan Islam ke kawasan sekitar Nusantara dilihat memberi kesan positif kepada kehidupan seharian masyarakat sehingga menjadi aspek penting dalam sesebuah penulisan. Mohd. Taib Osman (1988) menyatakan setiap amalan dan kepercayaan yang mendasari kehidupan orang berbangsa Melayu seharusnya berteraskan kepada ajaran Islam. Menerusi ajaran tersebut, bangsa Melayu dapat membentuk budaya hidup yang selari dengan kandungan dalam Al-Quran. Walaupun kadang kala sesuatu tradisi tersebut dilihat tidak bersesuaian, mereka perlu membina dan membentuk kehidupan yang berlandaskan kepada kerangka fikiran berorientasikan Islam. Jelas, kedatangan Islam dalam kehidupan seharian membawa kepada pembentukan nilai murni dalam kalangan masyarakat sehingga unsur keagamaan turut diserap masuk ke dalam karya-karya kesusasteraan. Maka, perkembangan yang baik tersebut menjadi pencetus kepada kehadiran kajian ini yang memberi penekanan kepada perkaitan pengaruh keislaman dalam manuskrip pilihan, iaitu manuskrip *Syair Madhi* dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat. Kajian ini diharapkan mampu memberi kesan kepada perkembangan sosial kognitif yang baik dalam pembentukan budaya masyarakat selaras dengan pernyataan Linton (1968) yang menjelaskan pembentukan budaya dibentuk menerusi unsur tingkah laku yang dipelajari dan dikongsi dalam kalangan masyarakat.

Objektif kajian ini ialah untuk menganalisis perkaitan pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat menerusi manuskrip *Syair Madhi*. Perkembangan sosial kognitif menerusi penerapan leksikon dan frasa yang terkandung dalam manuskrip termasuklah penggunaan frasa berbahasa Arab merupakan kunci utama kajian ini. Maka, definisi perkaitan antara pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat bagi kajian ini adalah berlandaskan kepada pengaruh keislaman yang dilihat dapat memberi pembelajaran langsung dan tidak langsung kepada masyarakat terutamanya kepada aspek tingkah laku dan perkembangan sosial kognitif.

## **SOROTAN LITERATUR**

Sorotan literatur dibahagikan kepada tiga, iaitu kajian lepas mengenai manuskrip *Syair Madhi*, kajian lepas yang menggunakan Teori Sosial Kognitif serta yang terakhir ialah kajian lepas mengenai unsur keislaman dalam manuskrip.

### **Kajian lepas mengenai manuskrip *Syair Madhi***

Abdul Rahman Kaeh (1997) telah meneliti isi kandungan teks manuskrip *Syair Madhi*. Menurut beliau, *Syair Madhi* merupakan sebuah cerita fiksi bertemakan pengembaraan dan pertualangan tokoh utamanya, iaitu Madhi serta rakan-rakannya termasuklah puteri-puteri Parsi Ratna Baduyah dan Ratna Asyiah. *Syair Madhi* dihasilkan sekitar abad ke-19 atau secara tepatnya pada 1849-50 T.M. Selain itu, menurut Abdul Rahman Kaeh (1997) juga, H.C. Klinkert merupakan orang pertama yang mula mendakwa pengarang *Syair Madhi* ialah Raja Abdullah. Klinkert turut mencatatkan *Syair Qahar Masyhur* merupakan salah sebuah karya Raja Abdullah di samping tiga buah syair lagi termasuklah *Syair Madhi*. Malah, tarikh yang dicatatkan oleh Klinkert pada halaman *Syair Madhi*, iaitu 1864 T.M hanya berselang enam tahun dengan tarikh kematian Raja Abdullah, iaitu pada 10 September 1858. Jelas, kajian yang telah dijalankan oleh Abdul Rahman Kaeh (1997) ini berjaya mengupas isi kandungan manuskrip *Syair Madhi* dengan mendalam dan terperinci. Malah, kajian beliau juga dilihat sangat membantu dalam memacu serta melancarkan perjalanan kajian ini.

### **Kajian lepas yang menggunakan Teori Sosial Kognitif**

Seterusnya, Teori Sosial Kognitif atau Teori Sosiokognitif (Bandura, 1989) telah digunakan dalam kajian yang telah dijalankan oleh Hasnah Mohamad & Junaini Kasdan (2012). Menerusi kajian ini. Teori Sosiokognitif (Bandura, 1989) digunakan untuk menganalisis data kajian berikutan teori tersebut yang lebih popular dalam bidang pendidikan dan psikologi. Malah, kajian ini menjelaskan pernyataan Bandura (1997) yang mengatakan faktor kesedaran dalaman seseorang individu dilihat mempengaruhi tindakan dan persepsi seseorang dalam sesebuah proses pembelajaran, selain hubungan interaksi dengan keadaan persekitaran. Selain itu, teori ini memberi penekanan bahawa pembelajaran tidak semestinya berlaku menerusi pengalaman langsung. Manusia mempelajari sesuatu menerusi pemerhatian, menilai tingkah laku orang lain seterusnya membuat generalisasi mengenai dunia sekeliling mereka. Teori Sosiokognitif digunakan dalam kajian ini bagi mengungkapkan persoalan mengenai penguasaan bahasa dengan fokus kepada struktur ayat dalam kalangan remaja sebagai satu alternatif. Kajian ini menggunakan kaedah lapangan dan pendedaran borang soal selidik kepada mahasiswa *Hankuk University of Foreign Studies*. Hasil kajian memperlihatkan beberapa cadangan bagi menambah baik pengajaran dan pembelajaran di universiti termasuk aspek pembentukan kata, memperbanyak latihan lisan, kehadiran buku, kamus berbahasa Melayu dan lain-lain. Jelas, penerapan Teori Sosial Kognitif sebagai teori kajian dilihat dapat bertindak sebagai teori yang berupaya mengetengahkan aspek perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat.

Seterusnya, McCormick *et. al* (2015) turut mengetengahkan mengenai Teori Sosial Kognitif dalam kajian mereka. Kajian ini menjelaskan Teori Sosial Kognitif mempunyai aplikasi sejagat dalam sebuah organisasi kerja serta manusia berfungsi secara am dan tidak boleh digunakan tanpa mengambil kira konteks kerja. Selain itu, kajian ini membincangkan berkenaan sub konteks tertentu, bukan dengan pandangan penyediaan tipologi secara menyeluruh, tetapi memberikan beberapa contoh daripada faktor-faktor kontekstual yang amat besar dan boleh dipilih. Bandura

(1986) telah menekankan bahawa manusia bukan sahaja bertindak sebagai produk tetapi juga sebagai pengeluar dalam persekitaran mereka, *self efficacy* dijangka memainkan peranan dalam pembangunan profesional (tugas pembelajaran) pekerja yang lebih tua (Esposito *et. al*, 2014) memandangkan tumpuan lebih diberikan kepada fungsi kognitif mereka. Dapatan kajian memperlihatkan penelitian perbezaan kontekstual mungkin akan menjadi usaha yang mendatangkan hasil bagi aplikasi Teori Sosial Kognitif dalam sesebuah organisasi pada masa akan datang. Maka menerusi kupasan ringkas ini, dapat dijelaskan bahawa penerapan Teori Sosial Kognitif berupaya digunakan untuk meneliti perkaitan aspek sosial kognitif sesebuah masyarakat dengan agama majoritinya, iaitu agama Islam.

### **Kajian lepas berkenaan unsur keislaman dalam manuskrip**

Kupasan terakhir di bahagian sorotan literatur ini meliputi kajian lepas yang mengetengahkan pengaruh islam terhadap perkembangan sosial kognitif masyarakat menerusi manuskrip pilihan. Pengaruh keislaman menjadi fokus penelitian dalam kajian ini berikutan mesej dan penyampaian dalam bahan kajian yang lebih didominasi oleh aspek tersebut. Pengaruh keislaman dapat dilihat menerusi penggunaan frasa dan bahasa yang digunakan dalam manuskrip *Syair Madhi*. Pengaruh Islam yang diterapkan menerusi kisah ini mencerminkan mengenai kehidupan masyarakat pada zaman tersebut yang sangat berpegang teguh kepada amalan dan kepercayaan Islam. Selain itu, aspek ini juga memberi kesan perkembangan sosial kognitif kepada pembaca, termasuklah keadaan tingkah laku, amalan seharian, ekonomi, pentadbiran dan juga penggunaan bahasa. Penggunaan bahasa yang diterapkan dalam manuskrip ini lebih memfokuskan kepada perkataan, frasa dan ayat berunsurkan keislaman. Malah, penerapan frasa berbahasa Arab turut memperlihatkan penerimaan masyarakat terhadap keilmuan Islam sehingga berlaku asimilasi dalam hubungan komunikasi berbentuk lisan. Kupasan mengenai kajian-kajian berunsurkan keislaman dalam manuskrip adalah bagi menjelaskan dan membahaskan perkaitan pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif masyarakat yang sekaligus memberi kesan kepada perkembangan sosial kognitif dalam kalangan pembaca.

Menerusi bahasa, manusia mengikat hubungan dalam pembentukan kehidupan budaya dan masyarakat. Kemuncak inilah yang berperanan terhadap pembinaan sesuatu bangsa (Awang Sariyan, 2005). Penggunaan bahasa dalam masyarakat, iaitu sosiolinguistik mencerminkan pembangunan sesebuah bangsa. Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali (2008) telah menjalankan kajian mengenai manuskrip dengan memberi penekanan kepada pengaruh Islam. Kajian telah dijalankan dengan menggunakan Kitab *Al- Sirat Al-Mustaqim* hasil tulisan Syeikh Nur Al-Din Al-Raniri. Menurut kajian, penyebaran agama Islam pada ketika itu dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai cara termasuklah menerusi bahan-bahan penulisan. Kepelbagaian ilmu kegamaan diterap dalam penulisan tersebut, seperti ilmu fiqh, aqidah, tasawwuf dan lain-lain lagi. Menyentuh serba sedikit mengenai bahan kajian, kitab ini merupakan kitab pertama di Nusantara yang paling lengkap dan terbesar dengan kupasan berbahasa Melayu mengenai ibadat. Kitab ini telah digunakan secara meluas di Kepulauan Melayu, terutamanya Aceh sehingga abad ke-19. Kupasan kajian ini melibatkan tiga buah naskhah yang berkaitan dengan membandingkannya dengan naskhah *Sabil al-Muhtadin*. Pengisian naskhah-naskhah tersebut sangat menekankan kepada unsur keislaman, iaitu penggunaan perkataan Melayu, ayat berbahasa Arab dalam firman Allah *swt* dan sabda Nabi *saw*. Selain itu, terdapat juga kupasan mengenai doa dan juga hadis. Selanjutnya, Basri Husin (2009) telah merungkai mengenai unsur keislaman dalam manuskrip, namun memberi fokus terhadap kajian epistemologi Islam. Epistemologi Islam menekankan

kepada sumber *naqliyyah* (wahyu) tetapi tidak mengabaikan pemikiran dan penyuburan akal manusia. Menurut kajian ini juga, kupasan diberikan kepada acuan gabungan antara akidah, syariah dan akhlak yang mempengaruhi pembentukan ilmu bersifat saintifik dan kemanusiaan. Selain itu, kajian ini memberi fokus terhadap perkembangan ilmu yang diterapkan dalam sesebuah manuskrip. Karya-karya al-Ghazali contohnya *Ihya Ulumuddin*, *Mizan al-‘Amal* dan pelbagai lagi telah menjelaskan mengenai konsep keilmuan. Keilmuan tersebut turut merangkumkan mengenai ilmu keislaman seperti hakikat Islam, ilmu sebagai falsafah dan ilmu juga sebagai cahaya, iaitu cahaya yang bertindak sebagai perlambangan kepada al-Quran. Penggunaan cahaya adalah bagi menjelaskan bahawa al-Quran adalah cahaya petunjuk serta cahaya yang diberikan oleh Allah *swt* kepada orang yang dikehendaknya. Hal ini sekaligus menjelaskan bahawa penggunaan istilah cahaya merupakan gambaran bahawa ilmu itu adalah sesuatu yang suci, bersih dan mulia. Hasil kajian merumuskan bahawa penerapan falsafah keilmuan dalam tradisi Islam berperanan dalam melahirkan individu yang seimbang antara dunia dan juga kehidupan akhirat. Jelas, kajian ini menegaskan bahawa penekanan keilmuan Islam dalam sesebuah penulisan manuskrip dapat mempengaruhi keadaan sesebuah masyarakat.

Sorotan kajian diteruskan dengan penelitan yang telah dilakukan oleh Shah Rul Anuar Nordin (2012) yang melihat kepada persamaan dan juga perbezaan pemikiran dalam politik Islam. Proses menganalisis data telah dijalankan dengan menjadikan kitab *Taj al-Salatin*, *Sulalah al-Salatin* dan *Bustan al-Salatin* sebagai bahan kajian. Kajian ini telah dilaksanakan dengan memberi tumpuan kepada persamaan, perbezaan serta hubungan ketiga-tiga kitab tersebut. Penilaian turut dilakukan dengan meneliti kitab-kitab ulama muslim zaman klasik serta buku-buku pemikir politik Islam pada zaman moden dan kontemporari. Selain itu, sumber asal pemikiran politik dan gaya penulisan pengarang kitab-kitab tersebut turut diambil perhatian. Kaedah yang telah digunakan ialah kaedah penelitian kualitatif yang berkaitan dengan aspek pemikiran dan juga pemahaman. Maklumat turut dikumpul menerusi manuskrip serta buku termasuklah maklumat dan pengalaman seseorang terhadap bahan kajian. Hasil kajian memperlihatkan bahawa 90% idea dan pemikiran politik kitab-kitab tersebut mempunyai persamaan dan 10% mempunyai perbezaan terutamanya terhadap aspek kepimpinan wanita. Seterusnya, hasil kajian turut membuktikan bahawa terdapat kesinambungan idea politik Islam dari zaman klasik, pertengahan dan moden. Pengkaji turut menyatakan bahawa kitab-kitab tersebut turut mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat pada ketika itu. Hal ini selaras dengan pernyataan Hudson (1980) yang menyifatkan sosiolinguistik sebagai “*the study of language in relation to society*”, iaitu sosiolinguistik mempunyai perkaitan rapat dengan bahasa dan hubungan bahasa tersebut dengan anggota masyarakat.

Akhir sekali, Khadijah (2013) telah melakukan kajian mengenai unsur keislaman dalam manuskrip dengan menggunakan teks sastera Melayu lama, iaitu hikayat. Penggunaan bahasa Melayu dalam sesebuah hikayat mempunyai fungsi sebagai penglipur lara. Hal ini memperlihatkan perbezaan dengan *Hikayat Aceh* yang lebih bersifat sajak, dengan isi yang bukan sekadar lagenda malah mempunyai pelbagai ilmu berbentuk moral dan keagamaan. *Hikayat Indra Budiman* telah dipilih sebagai bahan kajian dengan analisis mengenai nilai-nilai keislaman berdasarkan kepada kajian hermaneutika. Kaedah pengumpulan data dijalankan dengan menggunakan kaedah dokumentasi berikutan penelitian sumber data yang berbentuk dokumen. Penglibatan manusia turut digunakan dalam kajian bagi tujuan pengumpulan data. Model interaktif-dialektis yang merangkumi tiga bahagian, iaitu analisis secara serempak, bolak-balik dan juga berkali-kali. Hasil penelitian mengupas mengenai penemuan beberapa unsur keislaman menerusi *Hikayat Indra Budiman* hasil

karya Nyak Tihawa. Unsur-unsur tersebut merangkumi nilai-nilai Allah, iaitu taqwa, ihsan dan syukur serta percaya kepada Qada dan Qadar. Kemasukan unsur-unsur ini juga menurut Khadijah (2013) adalah dipengaruhi oleh ajaran Islam.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian telah dijalankan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan teks. Kaedah analisis teks digunakan bagi meneliti isi kandungan teks manuskrip dengan penekanan kepada aspek leksikon dan frasa berunsurkan keislaman. Bahan kajian yang dipilih sebagai bahan kajian ialah manuskrip *Syair Madhi*. *Syair Madhi* merupakan kisah pengembaraan seorang putera raja dari Maghribi yang bernama Madhi bersama dua orang sepupunya, iaitu Ibrahim Jauhari dan Ismail Darhari. Mereka telah berpisah ketika keluar memburu dan perpisahan ini merupakan permulaan kepada siri pengembaraan yang panjang. Halangan mental dan fizikal telah menguji mereka sehingga pelbagai kejadian aneh yang telah berlaku. Hal tersebut diterjemahkan oleh pengarang sebagai elemen yang bertindak membuktikan mengenai kebesaran Ilahi. Maghribi dan Parsi juga telah dijadikan sebagai latar tempat serta adat-istiadat masyarakat Melayu Nusantara turut diterapkan dalam episod penceritaan ini. Pemilihan bahan kajian dilakukan dengan melihat kepada teknik penceritaan yang menarik kerana dilengkapi dengan kupasan mengenai sosiobudaya masyarakat Melayu lama, di samping selitan pengajaran yang boleh dijadikan panduan dalam kehidupan. Bahan kajian juga merupakan hasil penterjemahan Dr. Abdul Rahman Kaeh dengan kerjasama dari Perpustakaan Negara Malaysia. Teks dalam manuskrip *Syair Madhi* telah diteliti dengan memfokuskan kepada leksikon dan frasa berunsurkan keislaman yang mempunyai perkaitan dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, teori yang digunakan dalam kajian ini ialah Teori Sosial Kognitif (Albert Bandura, 1989). Justifikasi pemilihan teori selaras dengan data kajian, iaitu penerapan unsur keislaman dalam penulisan yang secara langsung memberi pengajaran kepada pembaca. Teori ini juga dijelaskan oleh Bandura (1986) sebagai teori yang memberi penekanan kepada isyarat yang dilakukan oleh pelaku, termasuklah penjelasan mengenai pemikiran seseorang. Teori ini dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu perhatian, mengingat, reproduksi dan juga motivasi. Keempat-empat proses ini merupakan keadaan timbal balik yang saling berkait rapat dengan keadaan perilaku, lingkungan dan juga kognitif. Aspek perhatian melibatkan penumpuan perhatian yang menjadi elemen dalam menarik minat penonton dan juga pendengar. Unsur nilai, status, jantina dan juga status adalah unsur yang memberi kesan dalam melancarkan proses komunikasi dua hala tersebut. Manakala mengingat merupakan proses mengulang semula perkara yang diberi perhatian pada sebelumnya, iaitu dengan memfokuskan secara teliti secara berulang kali. Seterusnya, proses reproduksi merupakan proses peniruan semula tingkah laku yang telah dilihat mahupun didengar. Akhir sekali ialah proses peneguhan dan motivasi, iaitu pembinaan model tingkah laku yang terhasil setelah melalui proses-proses awal dengan diselitkan mengenai elemen motivasi. Elemen motivasi tersebut dapat merangsang pendengar untuk bertindak dengan lebih positif dan relevan.

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian akan membincangkan perkaitan antara pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat, iaitu menerusi penggunaan leksikon dan frasa berunsurkan keislaman dalam manuskrip. Hal ini bukan sahaja bertujuan untuk mempamerkan unsur keislaman

yang memberi kesan kepada penggunaan bahasa dalam manuskrip, malah penggunaan bahasa yang terhasil menerusi manuskrip tersebut turut mempengaruhi pemikiran dan penggunaan bahasa dalam kalangan pembaca. Mat Saat Baki (1999) menjelaskan bahawa pandangan hidup masyarakat Melayu mengandungi keseimbangan antara kepercayaan, amalan dan juga kelakuan. Konsep budaya itu juga merujuk kepada keseluruhan aspek, iaitu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam, kemahiran serta tingkah laku warisan hidup masyarakat. Malah, pernyataan Amat Juhari Moain (2001) turut memperlihatkan mengenai perkaitan pelbagai nilai dalam mengintegrasikan masyarakat termasuklah nilai keagamaan, adat, budaya, sistem sosial, ekonomi dan kehidupan bermasyarakat. Pernyataan Amat Juhari Moain (2001) dipertalikan dengan pernyataan Hashim Musa (2008) yang mengatakan bahawa orang Melayu mempercayai bahawa nilai yang sangat kuat sangat membantu dalam menentukan sikap, pemikiran, pegangan dan pendirian manusia sehingga membentuk hati budi. Menerusi pernyataan tersebut, dapat dikupas bahawa unsur kepercayaan, keagamaan dan amalan saling berkait rapat dengan kelakuan masyarakat termasuklah tindak laku dan juga tindak tutur.

Kupasan data dilakukan dengan memfokuskan kepada pengaruh Islam yang diterapkan menerusi manuskrip pilihan. Hal ini termasuklah penelitian terhadap pembinaan pemikiran masyarakat serta penyerapan frasa berbahasa Arab yang memberi kesan terhadap perkembangan sosial masyarakat. Penganalisisan data diselitkan dengan teori yang berkaitan. Empat bahagian yang terkandung dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) merangkumi aspek perhatian, mengingat, reproduksi dan juga peneguhan dan motivasi. Perkaitan unsur keislaman dengan pembelajaran serta sosiolinguistik dapat dilihat menerusi perlakuan manusia yang dianggap sebagai ibadah. Sanat Md. Nasir (1998) mengatakan bahawa setelah manusia menjaga mukanya dengan Allah, baharulah manusia mampu menjaga mukanya dengan manusia lain dan keadaan ini memperlihatkan perlakuan manusia yang santun sebagai satu ibadah. Selain itu, menurut Teo Kok Seong (1997), sesuatu yang disampaikan secara “berselindung” itu sendiri dianggap lebih beradab dan beradab. Tema tersebut yang mengawal tingkah laku dan budaya masyarakat Melayu sekaligus turut terkandung dalam sistem bahasa Melayu. Penggunaan kiasan atau ibarat ini merupakan penyampaian medium tersirat yang menjadi lambang peribadi orang Melayu yang tinggi budi bahasa, khususnya mempunyai tertib yang berasaskan agama dan budaya dalam setiap tingkah lakunya. Malah, penyatuan dua aspek, iaitu Islam dan adat memberi rangsangan terhadap pembentukan nilai masyarakat. Perlakuan budaya dan berbahasa yang dipengaruhi oleh akhlak dapat menjadi landasan dalam penentuan baik dan buruknya tindakan dan perilaku seseorang (Salinah Ja’afar, 2005).

Analisis data mengenai agama dalam kehidupan seharian adalah bagi menjelaskan mengenai pengaruh unsur keislaman yang memberi kesan langsung terhadap kehidupan masyarakat dahulu sehingga menjadi salah satu medium pembelajaran sehari-harian. Impak tersebut seterusnya diaplikasikan dalam bentuk penulisan. Menurut Awang Azman Awang Pawi (2010), pada abad ke-15, transformasi sosial dipengaruhi oleh agama Islam yang berjaya mengubah weltanschauung masyarakat Nusantara (Syed Naquib Al-Attas, 1973). Idea-idea transformasi terhasil dengan bentuk keislaman selain daripada pengaruh Hindu yang memberi penekanan kepada aspek didaktik. Selain itu, penerapan sistem tulisan Jawi turut berpengaruh besar dalam mengungkapkan pemikiran pengarang masyarakat Melayu pada ketika itu.

Berikut merupakan data yang berkaitan:

*Raja Madhi dinamakan tuan,  
Parasnya elok tiada berlawan,  
Putih kuning emas tempayan,  
Terlalu kasih Yang diPertuan. (7)*

*Dipelihara akan baginda beberapa lama,  
Cerdiklah sudah putera utama,  
Ibrahim Ismail bermain sama,  
Mengaji Qur'an kepada ulama. (8)*

Menerusi barisan rangkap di atas, Sultan dilihat menghantar puteranya, Raja Madhi untuk mengaji al-Quran kepada ulama ketika puteranya itu kian meningkat usia menerusi barisan ayat “*Mengaji Qur'an kepada ulama*”. Selain itu, menerusi rangkap sebelumnya, Sultan dilihat sangat bahagia dengan kelahiran puteranya yang baik rupa paras dan putera tersebut sangat disayangi oleh Baginda. Mengaji al-Quran dalam kehidupan seharian menjadi aktiviti keagamaan masyarakat ketika zaman dahulu sehinggalah kini. Menerusi barisan rangkap di atas, berlaku proses perhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Elemen pengaruh Islam dapat menarik minat pembaca untuk meneruskan pembacaan kerana elemen-elemen yang menerapkan mengenai nilai-nilai murni sering menjadi fokus utama kepada pembaca. Ditambah pula dengan penggunaan ayat-ayat yang mudah untuk difahami. Seterusnya, proses mengingat menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) dapat dijalankan setelah melalui proses pemerhatian. Menerusi penggunaan barisan ayat yang mudah serta penerapan nilai-nilai keislaman, pembaca dapat memberikan fokus yang baik sehingga dapat memberi kesan panjang dalam kehidupan seharian contohnya aktiviti mengaji al-Quran yang dilihat menjadi aktiviti rutin sehingga kini.

Proses reproduksi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) dilakukan oleh seseorang dengan meniru semula tingkah laku watak yang dikupas dalam penceritaan. Ciri-ciri utama yang ditonjolkan dapat menghasilkan model tingkah laku yang memberi kesan positif. Menerusi rangkap di atas, sifat-sifat yang dibawa oleh Sultan yang juga watak utama dalam kisah ini dilihat memberikan kesan pembelajaran yang baik kepada golongan pembaca. Sultan meletakkan al-Quran sebagai panduan hidup serta sebagai tanda kesyukuran di atas segala kurniaan Illahi. Kramsch (2001) menjelaskan bahawa orang yang berbicara dengan menggunakan cara yang berbeza adalah kerana mereka berfikir dengan cara yang berbeza. Mereka berfikir dengan kaedah yang berbeza kerana bahasa mereka menawarkan cara pengungkapan makna menerusi dunia mereka sendiri menerusi penggunaan kaedah yang berbeza. Menerusi barisan rangkap ini, pembaca dapat mengaplikasikan aktiviti keagamaan ini dalam kehidupan seharian, bukan sahaja bagi golongan bawahan malah perlu dimulakan oleh golongan atasan yang bertindak sebagai ikutan kepada masyarakat. Akhir sekali, proses peneguhan dan motivasi dapat dilihat menerusi terhasilnya model tingkah laku. Model tingkah laku yang baik dapat dihasilkan menerusi bimbingan dan tunjuk ajar selain daripada penerapan beberapa kaedah utama. Elemen motivasi membantu dalam penghasilan model tingkah laku, iaitu elemen motivasi dapat menjadi bahan rangsangan kepada kesemua proses dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Penghasilan model tingkah laku menerusi barisan rangkap di atas adalah model peneguhan dan penerapan elemen pengaruh keislaman dalam kehidupan seharian yang tidak ditinggalkan dalam kehidupan



bermasyarakat. Kegiatan tersebut sehingga menjadi panduan kepada generasi seterusnya dalam usaha membina modal insan yang berkualiti tinggi.

Selain itu, barisan rangkap di bawah juga memperlihatkan aspek agama yang mempengaruhi kehidupan masyarakat ketika itu. Walaupun mempunyai pangkat dan darjat yang tinggi, Sultan masih menjalankan tugasnya sebagai seorang hamba yang patuh kepada Tuhannya. Sultan mendirikan ibadah solat sebagai tanda bersyukur kepada Tuhan terutamanya ketika Sultan telah diizinkan oleh Allah untuk bertemu dengan anaknya dalam keadaan yang masih selamat. Rangkap di bawah sebagai membuktikannya:

*Apabila hari hampirkan siang,  
Maka baginda sedikit terlayang,  
Serta terkejut badan pun <goyang>,  
Lalulah **mengambil air sembahyang**. (1070).*

***Sembahyanglah** baginda dengan puteranya,  
Beberapa doa yang dibacakannya,  
Mengucaplah syukur akan Tuhannya,  
Bertemulah putera dengan selamatnya. (1071)*

Maka, kupasan data diatas jelas memperlihatkan hasil pembelajaran yang baik dapat diterima dan dipelajari oleh pembaca. Penerapan perkataan berunsurkan keislaman seperti “*sembahyang*” dan “*mengaji Qur’an*” menjelaskan bahawa masyarakat pada ketika itu sangat mementingkan hubungan manusia dengan Tuhan walaupun berada dalam keadaan atau posisi taraf kehidupan yang tinggi. Kehadiran unsur keislaman sangat membantu terhadap pembentukan pemikiran sesebuah masyarakat sehingga dibawa terus dalam kehidupan kini. Perkara ini turut ditekankan oleh Ayu Sutarto (2013) yang menjelaskan bahawa kehadiran elemen keagamaan dan falsafah di Nusantara semakin penting di zaman era pascamoden, di mana tradisi dan sosial tidak lagi menjadi rujukan yang agak kuat dalam sesebuah kehidupan, dan manusia tidak lagi berhadapan dengan elemen seperti politik, ekonomi dan ideologi.

Selanjutnya, menerusi kisah ini dapat juga dikemukakan berkenaan aspek keteguhan menerusi pengaruh Islam. Bidang keagamaan pada zaman pra-Islam dan Islam dilihat dapat memperteguhkan pemikiran sesebuah masyarakat sehingga memberi kesan terhadap kehidupan sosial dalam kalangan masyarakat. Muhammad Haji Salleh (1977) mengatakan bahawa terdapat tiga tahap yang mempengaruhi pemikiran pemikir Melayu dalam menghasilkan sesebuah karya. Tahap-tahap tersebut yang pertama ialah zaman pra-Islam, keduanya ialah tahap terjadinya sentuhan kebudayaan antara Islam dengan budaya di Asia Barat dan yang ketiga ialah tahap yang memperlihatkan berlakunya pertumbuhan individualisme Barat yang hadir dari Eropah. Kenyataan Muhammad Haji Salleh (1977) menjelaskan bahawa pemikiran pengarang sering dikaitkan dengan unsur yang mempengaruhi kehidupan seharian sesebuah masyarakat dan penekanan lebih diberikan kepada unsur-unsur ketuhanan dan keislaman. Berikut merupakan kupasan data yang berkaitan:

*Paduka ayahanda murkanya sangat,  
Lakunya seperti orang tak ingat,  
Tak boleh bertangguh barang sesaat,  
Patik sekalian habis dilaknat”. (69)*

*Sebagai menangis perdana menteri,  
Sambil berkata menciumlah jari,  
"Batu kepala intan baiduri,  
Kepada Allah serahkan diri". (70)*

Islam juga membenarkan kesenian asalkan kesenian itu tidak menyimpang daripada akidah, dicipta demi Allah dan bagi kesejahteraan umat. (A. Aziz Deraman, 2010). Hal ini dapat dilihat menerusi penggunaan frasa "*Batu kepala intan baiduri*" yang telah menggunakan unsur kesenian, iaitu "*intan baiduri*" bagi tujuan menyampaikan mesej. Menerusi barisan rangkap di atas, Sultan merasakan bahawa dirinya dikhianati dan Sultan begitu murka dengan apa yang berlaku. Sultan segera bertindak untuk menjatuhkan hukuman tanpa bertanggung lagi, menerusi barisan "*Lakunya seperti orang tak ingat, patik sekalian habis dilaknat*". Kerana merasakan dirinya dikhianati, Sultan bertindak secara pantas dan perdana menteri pada ketika itu akur dengan tindakan sultan. Perdana Menteri hanya menyerahkan diri sepenuhnya kepada Yang Maha Pencipta, menerusi barisan ayat "*Kepada Allah serahkan diri*". Penjelasan mengenai ilmu-ilmu keislaman bukan sahaja menjadi asas kepada golongan tertentu, iaitu alim ulama malah menjadi ikutan pegangan kepada barisan tertinggi pentadbiran. Kepercayaan dan Islam membawa pembelajaran positif dalam kehidupan bermasyarakat sehingga bertindak baik terhadap perilaku dan juga pertuturan. Nik Safiah Karim (1981) menjelaskan bahawa sesuatu bahasa itu bukanlah hanya merujuk kepada satu cara pertuturan yang digunakan oleh semua orang untuk semua situasi dalam bentuk yang sama. Tetapi bahasa itu berbeza-beza, bergantung dengan siapa yang bercakap, kepada siapa, di mana dan berkenaan dengan apa.

Penggunaan unsur-unsur kesenian dalam barisan rangkap di atas dapat menarik minat dan perhatian pembaca menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses penerimaan mengenai sesebuah perkara yang dapat menarik perhatian akan berganjak kepada proses seterusnya, iaitu proses mengingati menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Fokus yang baik dengan penelitian secara teliti dan berulang kali sangat berkait rapat dengan proses yang dilakukan sebelumnya, iaitu proses pemerhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses pemerhatian yang konsisten akan membantu kelancaran proses mengingati terutamanya yang melibatkan hubungan kognitif, simbolik dan sebagainya. Seterusnya, proses pembelajaran pembaca diteruskan dengan proses reproduksi, iaitu proses peniruan semula tingkah laku ataupun ucapan yang telah dibaca, didengar atau dilihat sehinggalah melahirkan model tingkah laku yang berkaitan. Model tingkah laku akan terbina hasil daripada proses sebelumnya, seperti pemerhatian yang baik serta pengulangan secara berulang kali. Manakala, model tingkah laku yang agak tidak bersesuaian akan terhasil apabila pemerhati tidak fokus dan tidak melakukannya semula secara berulang. Pembinaan model tingkah laku akan diakhiri dengan proses peneguhan dan motivasi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Dalam proses ini, minat dan kecenderungan sangat memainkan peranan utama. Proses pembelajaran di akhir kajian akan memberikan jawapan positif jika elemen motivasi sentiasa diterapkan dalam setiap proses yang dilakukan, manakala jawapan negatif akan terhasil bagi tindakan sebaliknya. Maka, menerusi kupasan ini dapat dinyatakan bahawa unsur-unsur keislaman yang menjadi asas kepada masyarakat terutamanya barisan pentadbiran atasan dilihat memberi impak positif kepada pembaca. Hal ini memberi contoh dan panduan kepada pemerintahan atasan kini untuk menjadikan agama sebagai asas pegangan dan meletakkan Allah *swt* sebagai sumber panduan menerusi pengaplikasian hukum-hukum Allah *swt* ke dalam sistem pemerintahan negara.

*Setelah musta'id sekaliannya rata,  
Kuda dan unta alat senjata,  
Penuh dan sesak di dalam kota,  
Riuh dan rendah gegak-gempita. (1861).*

*Keduanya pihak berhadapanlah,  
Mengunus senjata sebelah menyebelah,  
Ke tengah medan sekaliannya keluarlah,  
**Jiwa diserahkan kepada Allah.** (1862).*

Agama Islam yang hadir selewat-lewatnya sejak abad ke-13 telah membawa bersama transformasi kepada akidah, pemikiran dan amalan budaya bangsa Melayu sehingga membentuk sebuah tamadun besar sehingga dijadikan asas pembentukan masyarakat madani atau hadhari (Awang Sariyan, 2009). Pernyataan ini menjelaskan bahawa keadaan bentuk sesebuah masyarakat sangat dipengaruhi oleh bidang keilmuan agama, sehingga memberi kesan positif terhadap pembentukan sesebuah negara bangsa. Hal ini juga semakin berkembang menerusi penerapan unsur keislaman dalam bentuk-bentuk penulisan. Kupasan data di bawah juga sebagai menerangkan kenyataan ini:

*Seraya berfikir di dalamnya dada,  
“Entahkan apa gerangan kakanda,  
Kasadnya hendak mencari ayahanda,  
Sekarang nan sudah purak-puranda. (2057)*

*Sudahlah untung nasib diriku,  
**Kehendak Allah telah berlaku,**  
**Hendak melawan betapa dayaku,**  
Tidak menaruh kaum dan suku. (2058).*

Baris ayat “*Kehendak Allah telah berlaku, hendak melawan betapa dayaku*” merupakan barisan ayat yang mencerminkan mengenai subtopik ini, iaitu keteguhan menerusi pengaruh unsur keislaman Barisan ayat ini juga secara jelas memberi pengajaran kepada pembaca mengenai kebergantungan sepenuhnya kepada kekuasaan Allah swt. Proses pembelajaran menerusi pemerhatian dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) dimulakan dengan proses perhatian. Proses perhatian dimulakan dengan fokus dan pemerhatian terhadap penerapan kosa kata dan ayat yang mudah untuk difahami. Kupasan data dimulakan dengan mengaitkannya dengan barisan rangkap sebelumnya, iaitu fokus terhadap barisan ayat “*Kasadnya hendak mencari ayahanda, sekarang nan sudah purak-puranda*”. Menerusi barisan ayat tersebut, pengarang *Syair Madhi* menceritakan mengenai seorang anak yang mencari ayahandanya sehingga keadaan berubah menjadi porak-peranda. Penanda awal menerusi barisan rangkap sebelumnya membuka minda pembaca untuk lebih mudah memahami mesej yang ingin disampaikan selepasnya. Maka, keadaan ini memberi kesan yang baik terhadap proses perhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989).

Proses pembelajaran seterusnya ialah proses mengingati menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini memerlukan pengulangan semula secara berkali-kali mengenai sesuatu yang menjadi fokus utama dalam proses perhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Unsur kebergantungan berlaku di sini sehingga memberi kesan yang panjang terhadap ingatan seseorang. “*Kehendak Allah telah berlaku, hendak melawan betapa dayaku*” diselitkan sebagai ingatan pembelajaran dalam *Syair Madhi* berikutan keadaan dan masalah yang berlaku sebelumnya. Pengarang meletakkan Allah *swt* sebagai Tuhan Yang Maha Kuasa sehingga menyerahkan segalanya kepadaNya. Frasa mengenai kekuasaan Allah *swt* banyak diulang-ulang dalam *Syair Madhi* sehingga memberi kesan kepada pembaca untuk lebih mengutamakan Tuhan dalam segala hal.

Seterusnya ialah proses reproduksi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses peniruan semula ini adalah hasil daripada proses melihat, mendengar ataupun membaca. Menerusi kupasan data ini, barisan ayat “*Kehendak Allah telah berlaku, hendak melawan betapa dayaku*” merupakan dua baris ayat yang memperlihatkan unsur pembelajaran kepada pembaca. Keadaan ini akan membantu dalam menghasilkan sebuah model tingkah laku yang dinamik dalam kehidupan seharian. Pengarang menyatakan bahawa watak dalam *Syair Madhi* ini tidak meletakkan sebarang kebergantungan kepada manusia menerusi ayat “*Tidak menaruh kaum dan suku*”. Hal ini sekali lagi memberi ruang yang baik dalam proses pembelajaran dengan hanya meletakkan kebergantungan secara terus dan nyata kepada Allah Yang Satu.

Proses terakhir ialah proses peneguhan dan motivasi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini menjelaskan mengenai elemen motivasi yang sangat membantu dalam setiap proses yang dilakukan. Peranan motivasi dapat merangsang penghasilan sesebuah model tingkah laku, termasuklah proses pembelajaran sepanjang hayat. Menerusi proses ini, segala teguran sama ada positif atau negatif dapat dijadikan salah satu daripada bidang keilmuan. Menerusi kupasan data dalam ketiga-tiga proses sebelumnya, barisan ayat “*Kehendak Allah telah berlaku, hendak melawan betapa dayaku*” dilihat menjadi bahan pembelajaran yang sangat berguna kepada pembaca. Penerapan motivasi dapat memberi kesan pembelajaran yang positif terhadap penggunaan kesantunan berbahasa seseorang. Awang Sariyan (2007) menjelaskan bahawa kesantunan bahasa dirujuk sebagai penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, peribadi mula dan melambangkan tanda hormat kepada pihak yang menjadi teman dalam perbualan tersebut.

*Rauzakhan pahlawan yang muda,  
Persembahkan hal-ehwal yang ada,  
Lalu dipersembahkan pesannya bonda,  
Pedang dilihatkan kepada ayahanda. (2096)*

*Terlalulah suka Madhi terala,  
Putera kedua dicium kepala,  
Sampai memuji hak Taala,  
Lepas daripada fitnah dan bala. (2097)*

*Bertitahlah kepada anakanda kedua,  
Besarlah untung utama jiwa,  
Dipertemukan Allah rupanya jua,  
Dengan ayahanda orang yang tua (2098).*

Kupasan data menerusi subtopik ini diteruskan dengan barisan rangkap di atas. Secara keseluruhannya, barisan tiga rangkap di atas menjelaskan mengenai kegembiraan yang dialami oleh Raja Madhi selepas dipertemukan oleh Allah *swt* dengan puteranya yang tercinta. Kegembiraan yang tidak terhingga ini diadaptasi oleh pengarang dengan barisan ayat yang memuja kebesaran Allah *swt*. Keadaan ini secara jelasnya mencerminkan unsur keislaman dapat memberi kesan terhadap proses pembelajaran seseorang, terutamanya kepada golongan pembaca. Proses pertama, iaitu proses perhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) dimulakan untuk menganalisis data. Proses perhatian, iaitu proses yang perlu diberikan fokus dalam memulakan sesebuah pembelajaran. Proses ini dilihat menerusi rangkap seterusnya yang menceritakan mengenai putera kepada Raja Madhi yang baharu pulang dengan membawa pedang menerusi barisan ayat “*Pedang dilihatkan kepada ayahanda*”.

Simbolik kegagahan jelas di sini menerusi penggunaan perkataan “*Pahlawan*” dan juga “*Pedang*”. Hal ini membangkitkan rasa semangat dan fokus kepada pembaca untuk meneruskan pembacaan. Kisah berkisarkan semangat, iaitu kepahlawanan mampu menarik minat pembaca yang bukan hanya dapat diaplikasi dalam dunia kepahlawanan, malahan sebagai semangat dalam melawan sifat putus asa, menyerah kalah termasuklah dalam usaha melawan hawa nafsu. Pembelajaran yang didapati menerusi kisah ini mencerminkan mengenai masyarakat Melayu yang mempunyai nilai positif. Hal ini selaras dengan pernyataan S. Othman Kelantan (1992) yang mengatakan bahawa masyarakat Melayu pada zaman dahulu sering mengingatkan diri mereka sendiri supaya tidak tergesa-gesa dan dikuasai oleh sentimen dan emosi, sehingga memalukan seluruh keluarga, jabatan dan juga negara.

Proses seterusnya ialah proses mengingat menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini memperincikan bahawa perulangan perlu dilakukan setelah melalui fasa pemerhatian yang baik. Penelitian secara berulang kali akan memberi kesan untuk jangka masa yang panjang. Menerusi kupasan data ini, “*Dipertemukan Allah rupanya jua*” menjadi antara frasa yang menjadi sumber pembelajaran dengan penerapan Allah *swt* dalam pengisiannya. Penerapan Allah *swt* dalam kebanyakan rangkap menjadi cerminan kepada jati diri dan pegangan umat Islam seperti yang digambarkan dalam penulisan. Perulangan yang berlaku bertindak sebagai simbolik yang melambangkan ketinggian pemikiran dan jiwa masyarakat yang menekankan keagungan Allah *swt* dalam setiap perkara.

Proses pembelajaran seterusnya ialah proses reproduksi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini adalah proses meniru semula dengan mengingat kembali ciri-ciri utama yang diketengahkan dalam penyampaian mesej. Menerusi data di atas, Raja Madhi sangat gembira apabila diketemukan dengan puteranya sehingga mengucapkan syukur kepada Allah, menerusi barisan ayat “*Sampai memuji hak Taala, lepas daripada fitnah dan bala*”. Perulangan kalimah “*Allah*” dan “*Taala*” memperlihatkan penyusunan secara berulang dilakukan oleh penulis. Hal ini sekaligus memberi kesan pengajaran dan pembelajaran yang baik kepada pembaca. Akhir sekali ialah proses peneguhan dan motivasi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses penerapan motivasi ke atas setiap proses dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) ini menjadi tunjang kepada penghasilan model tingkah laku dengan ciri-ciri kemahiran yang tinggi. Dalam setiap perkara yang berlaku dalam kehidupan diraja dalam *Syair Madhi* mengupas mengenai kepentingan nikmat bertuhan yang dilalui oleh masyarakat pada zaman tersebut. Unsur keislaman yang terkandung ini sekaligus memberi kesan yang baik dan positif kepada sesebuah masyarakat.

Selain itu, berikut merupakan contoh-contoh barisan rangkap yang bersesuaian dengan pembahagian subtopik, iaitu keteguhan menerusi keagamaan:

*Tinggallah adikku Ratna Ayskiah,  
Janganlah masyghul paras yang indah,  
**Sudahlah janji daripada Allah,  
Harinya ini kita bercerailah**". (62)*

***Dengannya takdir Tuhan Yang Esa,**  
Hilanglah ayahanda mahkota desa,  
Dibunuh beruk raja perkasa,  
Negeripun habis rosak binasa. (414)*

*Besarnya kurnia duli yang mulia,  
Kepada hamba dagang yang sedia,  
Tiadalah dapat membalaskan dia,  
**Melainkan Allah Tuhan yang kaya**". (1085).*

*Kepadanya niat di dalam cita,  
Rasanya hendak mengiringkan serta,  
Sekarang apalah hendak dikata,  
**Perintah Allah Tuhan semata. (1425)***

*Putera nin terbang tinggi mengawan,  
Tersamarlah dengan mega dan awan,  
Lenyap dipandang bonda nin tuan,  
**Hilang diserahkan kepadanya Tuhan. (1680).***

Awang Sariyan (2009) menerusi kupasan berkenaan pengenalan akan agama Islam, bangsa Melayu memperoleh panduan ataupun acuan tatacara kehidupan yang syumul, merangkumi aspek muamalat, ibadah, siasah, adab, munakahat dan lain-lain. Hal ini apabila dipatuhi oleh masyarakat Melayu dalam kehidupan, tidak akan ada lompong kosong yang akan hadir. Maka, menerusi pernyataan Awang Sariyan (2009) serta kupasan penganalisisan data di atas, dapat dinyatakan bahawa penerapan unsur keagamaan terutamanya agama Islam dapat melahirkan bangsa yang bersatu padu serta meletakkan al-Quran dan sunnah sebagai pegangan hidup.

Selanjutnya ialah kupasan mengenai penerapan frasa berbahasa Arab yang terkandung dalam *Syair Madhi*. Penerapan frasa berbahasa Arab saling berkait dengan sosiolinguistik berikutan penggunaannya dalam menyampaikan mesej kemasyarakatan dalam penulisan yang diketengahkan, terutamanya terhadap penyampaian mesej berunsurkan tarbiah. Penggunaan frasa berbahasa Arab yang diterapkan lebih mengetengahkan maksud berunsurkan puji-pujian yang melambangkan keagungan yang dimiliki oleh Allah *swt*. Puji-pujian yang diterapkan seterusnya memberi kesan kepada nilai dan etika masyarakat penilai. Mengikuti puji-pujian ini, termasuklah kedaulatan, kemuliaan dan kekuasaan itu adalah milik Allah. Segala hukum, peraturan, nilai dan etika yang mendukungnya, berpunca daripadaNya (Shaharuddin Maaruf, 2014).

*Adapun akan puterinya sultan,  
Tinggallah dia di dalam hutan,*

*Sehari-hari dengan ketakutan,  
Binatang yang buas berlompatan. (84)*

*Berserahlah kepada **Rabbul Izzati**,  
**Tawakal 'alallah** bersungguh hati,  
Datanglah burung mengantarkan roti,  
Petang dan pagi adalah pasti. (85)*

Kupasan data mengenai barisan rangkap di atas mengenai keadaan puteri sultan yang menyerahkan diri dan bertawakal kepada Allah *swt* menerusi barisan rangkap "*Berserahlah kepada **Rabbul Izzati**, **Tawakal 'alallah** bersungguh hati*". "*Rabbul Izzati*" dimaksudkan dengan Tuhan Yang Maha Mulia dan Maha Berkuasa manakala "*Tawakal 'alallah*" bermaksud bertawakal dan berserah sepenuh hati kepada kekuasaan Allah *swt*. Penggunaan "*Rabbul Izzati*" dan juga "*Tawakal 'alallah*" merupakan antara frasa berbahasa Arab yang diterapkan dalam penulisan *Syair Madhi*.

Analisis data mengenai rangkap di atas dilakukan dengan melihat kepada pengajaran dan pembelajaran yang dibawa menerusi mesej yang disampaikan. Proses pertama dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) ialah proses perhatian. Proses ini dilakukan dengan meletakkan sesuatu atau penggunaan figura bagi tujuan menarik perhatian. Perkara ini dilakukan bagi membuatkan pembaca, penonton mahupun pendengar lebih fokus kepada mesej yang disampaikan. Menerusi rangkap di atas, penceritaan memperlihatkan keadaan puteri raja yang ditinggalkan di dalam hutan bersama binatang buas yang boleh mengancam nyawa. Penggunaan elemen keganasan, iaitu binatang buas dilihat mampu menarik perhatian pembaca, termasuklah unsur-unsur seram menerusi "*Tinggallah dia di dalam hutan, sehari-hari dengan ketakutan, binatang yang buas berlompatan*". Keadaan figura yang tinggal berseorangan di dalam hutan selama lebih daripada sehari memperlihatkan penguasaan pengarang yang berusaha untuk menarik perhatian pembaca.

Seterusnya ialah proses mengingat menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini memerlukan pembaca, penonton atau pendengar untuk mengulang semula perkara yang menjadi perhatian mereka sebelumnya. Dengan fokus yang baik dan proses mengingat dilakukan secara berulang, maka akan berlaku proses pembelajaran. Frasa "*berserahlah kepada **Rabbul Izzati**, **tawakal 'alallah** bersungguh hati*" akan memberi pengajaran kepada pembaca berikutan penggunaan pelbagai frasa lain yang berunsurkan keislaman. Kisah seorang puteri raja yang terperangkap di dalam hutan seorang diri dan hanya bertawakal kepada Allah *swt* dapat dijadikan contoh terbaik dalam masyarakat. Keteguhan hati seorang puteri raja terhadap Penciptanya melambangkan bahawa pendidikan awal yang bermula daripada ibu bapa dapat memberi impak yang baik walaupun mempunyai kedudukan kelas sosial yang tinggi. Penekanan secara berkali-kali mengenai kekuasaan Yang Maha Kuasa juga sangat memberi kesan dalam hati masyarakat pembaca. Pembaca diberi peringatan secara berulang-ulang mengenai kekuasaan Allah *swt* yang tiada tandingan sehingga membawa bersama pembaca untuk lebih cenderung menerima dan redha terhadap segala ujian yang mendatang.

Proses reproduksi merupakan proses ketiga dalam Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini dilakukan oleh seseorang, iaitu pembaca, penonton atau pendengar dengan meniru semula sesuatu yang dilihat mahupun didengar. Peniruan semula dilakukan dengan mengingat semula ciri-ciri penting yang diterapkan dalam penulisan. Hal ini memperlihatkan bagaimana sesuatu perkara boleh memberi impak terhadap kehidupan seharian sehingga mempengaruhi pembentukan aktiviti

yang dilakukan. Menerusi konteks ini, kupasan data di atas membina corak pemikiran masyarakat mengenai unsur keislaman menerusi pemikiran yang dilampirkan oleh penulis. Pengarang menerangkan berkali-kali mengenai kekuasaan Allah *swt* dalam penulisannya, namun menggunakan perkataan dan frasa yang berbeza bagi mengelakkan kebosanan kepada pembaca. Penerapan “*Rabbul Izzati*” yang tidak dilakukan secara berulang dapat menarik perhatian pembaca sekaligus menambah ilmu pengetahuan.

Akhir sekali ialah proses peneguhan dan motivasi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) Proses ini memperlihatkan keseimbangan pemikiran pengarang yang sering kali menyelitkan unsur motivasi ke dalam baris rangkap bagi tujuan menarik perhatian pembaca. Penerapan unsur motivasi menerusi elemen berunsurkan keislaman sering diselitkan ke dalam baris rangkap setelah pengarang menceritakan mengenai sesebuah cerita yang mendatangkan konflik kepada pembaca. Pengarang menarik perhatian pembaca dengan membawa pembaca kembali kepada Tuhan setelah diuji dan diduga, iaitu menerusi penceritaan berunsurkan pergaduhan, peperangan dan juga konflik dalaman seseorang watak. Penerapan motivasi seterusnya dapat menghasilkan model tingkah laku yang berkesan kepada masyarakat pembaca.

*Sungguhpun beristeri Madhi yang sakti,  
Tiadalah juga hibur dihati,  
Asykih juga yang kan dinanti,  
Belumlah dapat belum berhenti. (908)*

*Bilanya terkenang hati berdebar,  
Paras yang elok seperti digambar,  
Baginda mengucap **Allahuakbar**,  
Dengan seketika datanglah sabar. (909)*

Seterusnya, asimilasi bahasa Arab dalam kisah penceritaan ini dapat dilihat menerusi dua rangkap di atas. Dua rangkap tersebut mengisahkan mengenai seseorang yang masih mengharapakan akan wanita lain walaupun sudah berkahwin, menerusi “*Sungguhpun beristeri Madhi yang sakti, tiadalah juga hibur di hati*”. Biarpun sudah mempunyai isteri, Raja Madhi masih teringat akan seorang wanita yang bernama Asykih, menerusi “*Asykih juga yang kan dinanti, belumlah dapat belum berhenti*”. Raja Madhi juga sering berdebar apabila mengingatkan Asykih yang mempunyai rupa paras yang jelita, iaitu menerusi “*Bilanya terkenang hati berdebar, paras yang elok seperti digambar*”. Namun, Raja Madhi masih mengingati akan Tuhannya, lantas mengucap Allahuakbar bagi mententeramkan hatinya.

Menerusi barisan rangkap di atas, terdapat pengajaran dan pembelajaran yang boleh dijadikan ikutan dan tarbiah diri. Proses yang pertama ialah proses perhatian menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses ini memerlukan pembaca untuk fokus dan memberi sepenuh perhatian terhadap apa yang dibacanya. Begitu juga dengan pendengar yang perlu mendengar dengan kusyuk dan penonton yang perlu memerhati dengan teliti. Menerusi konteks barisan rangkap di atas, analisis data dimulakan dengan melihat faktor atau elemen yang berjaya menarik perhatian pembaca. Penelitian menjuruskan kepada barisan rangkap awal, iaitu kisah penceritaan mengenai Raja Madhi yang sering membayangkan kecantikan dan kejelitaan Asykih. Hati Raja Madhi sering berdebar bila terkenang akan Asykih menerusi “*Bilanya terkenang hati berdebar, paras*



*yang elok seperti digambar*”. Keadaan Raja Madhi yang sebegitu membuatkan pembaca tertanti-tanti tindakan yang dilakukan oleh Raja Madhi untuk mengubati hatinya.

Seterusnya, pembelajaran diteruskan dengan proses mengingat menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses mengingat berlaku dengan baik apabila pembaca, penonton atau pendengar sering kali mengulang semula elemen yang menarik perhatian mereka. Kebergantungan antara proses perhatian dan juga proses mengingat akan melahirkan kesan, sama ada kesan jangka pendek mahupun jangka panjang. Menerusi data di atas, proses mengingat akan dapat dilakukan dengan penerapan secara berulang perkataan-perkataan atau frasa yang berunsurkan keagamaan. Unsur pengaruh keislaman dapat dilihat menerusi perkataan frasa Arab “*Allahuakbar*”, menerusi baris “*Baginda mengucap Allahuakbar*”. “*Allahuakbar*” membawa maksud Allah Maha Besar. Penerapan frasa yang membawa maksud berunsurkan keislaman sering diterapkan oleh pengarang dengan penggunaan frasa yang berbeza, seperti *Azzawajalla*, *Rabbulizzati* dan pelbagai lagi. Maka, perulangan yang berlaku memberi kesan pembelajaran kepada masyarakat pembaca.

Seterusnya, keberkesanan yang berlaku dalam proses mengingat menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989) mempengaruhi proses seterusnya, iaitu proses reproduksi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Perlaksanaan kelancaran proses reproduksi dapat dilakukan dengan peniruan semula tingkah laku dan ujaran yang dilihat, didengar mahupun dibaca. Dalam konteks *Syair Madhi*, tingkah laku dan ujaran dapat diteliti menerusi watak dan perwatakan yang diketengahkan dalam usaha menyampaikan mesej. Proses mengulang semula sesuatu perkara dapat memberikan kesan langsung terhadap seseorang. Menerusi data di atas, perulangan yang dilakukan oleh pengarang akan memberi kesan kepada pembaca untuk selalu mengingat keagungan kekuasaan yang dimiliki oleh Yang Maha Esa. Hal ini juga dapat dilihat menerusi penggunaan baris ayat “*Baginda mengucap Allahuakbar, dengan seketika datanglah sabar*”. Menerusi barisan ayat ini, Raja Madhi mengucapkan Allah Maha Besar bagi mententeramkan kecelaruan yang melanda jiwanya. Walaupun dihimpit dengan dugaan hati, Raja Madhi masih tidak melupakan kekuasaan Allah *swt* yang berkuasa mengawal seluruh jiwanya. Kebesaran Allah *swt* dipertontonkan secara jelas oleh pengarang menerusi baris ayat “*Dengan seketika datanglah sabar*” berikutan maksud frasa tersebut yang menjelaskan mengenai kekuasaan Allah *swt* dalam mendidik hati Raja Madhi untuk bersabar menangani kegundahan yang melanda jiwanya.

Proses terakhir ialah proses peneguhan dan motivasi menerusi Teori Sosial Kognitif (Bandura, 1989). Proses penerapan elemen motivasi dalam baris rangkap *Syair Madhi* memberi kesan kepada pembaca dalam usaha memperbaiki dan muhasabah diri. Pembaca sering disegarkan dengan kehadiran perkataan dan frasa berunsurkan keislaman sehingga menyebabkan pembaca meneruskan pembacaan bersama dengan usaha memperbetulkan keadaan diri sendiri. Penerapan elemen peneguhan dan motivasi juga dilakukan oleh pengarang menerusi tindakan sesebuah watak dalam menangani sesebuah isu atau masalah dengan menjuruskan dan menyerahkan sepenuhnya kepada Allah *swt*. Hal ini dapat dilihat menerusi baris ayat “*Baginda mengucap Allahuakbar, dengan seketika datanglah sabar*”. Maka, pendidikan dan pembelajaran dapat diterima oleh pembaca yang bukan sekadar menjadikan *Syair Madhi* ini sebagai bahan pembacaan, malah sebagai bahan perangsang kepada kemajuan berunsurkan keislaman dalam kehidupan seharian.

Karya sastera bukan hanya mainan bahasa tetapi menjangkau lebih daripada itu, iaitu bukan sahaja merangkumi nilai estetik tetapi kaya dengan moral, akhlak dan nilai rohani. Maka, genre sastera

tetap dapat memelihara keunggulan sebagai usaha memartabatkan manusia selaras dengan tuntutan seni di dalam Islam (Sidi Gazalba, 1977). Berikut merupakan senarai rangkap dalam *Syair Madhi* yang telah menggunakan perkataan-perkataan dan frasa berbahasa Arab:

*Madhi pun segera memberi ta'zim,  
Besertalah dengan beberapa takrim,  
Lakunya tertib perangainya alim,  
Ke hadirat Sultan raja yang salim. (1052).*

*Dengannya tolong Azzawajalla,  
Seketika lagi tampaklah pula,  
Angkatan maharaja kera terala,  
Beberapa laksa rakyat dan bala. (1968).*

*Sesak dan belah di dalamnya hati,  
Azabnya tuan bagaikan mati,  
Sebagai juga ayahanda diingati,  
Berserah kepada **Rabbulizzati**. (2048)*

*Sultan Madhi raja terala,  
Berkata sambil tunduk kepala,  
Berkatalah ia "**Ahlan wa sahan**",  
Badwi tersenyum seraya bersila, (2120)  
Badui berkata sambil bersendar,  
"**Ya Sultan Kiful khabar  
Ahlikum wa ahliil bandar**",  
Dijawab Madhi "**Alhamdulillah syukur**". (2121)*

*Kepada **Hijarat al Nabiyyi Rasul Yang Mulia,  
Muhamad Mustafi Saidil Ambia,**  
Seribu dua ratus bilangan dia,  
Enam puluh enam genaplah dia. (2212).*

Shaharuddin Maaruf (2004) mengatakan bahawa sesuatu karya sastera itu mencerminkan nilai-nilai yang mendukung sesebuah penciptaan. Hal ini adalah disebabkan karya sastera dihasilkan mengikut gaya pemikiran tertentu, iaitu andaian dan kategori pemikirannya yang tersendiri. Malah, batasan kesedaran yang dihasilkan dalam sesebuah karya juga merupakan satu aspek gaya pemikiran yang memberi kesan rangsangan daripada penciptaannya. Pernyataan ini secara jelas membuktikan karya-karya sastera bukan hanya sekadar bahan pembacaan dan hiburan semata, namun membawa bersama sisipan nilai-nilai moral yang boleh membantu membina jati diri seseorang. Maka, kupasan data yang merangkumi isi kandungan teks manuskrip *Syair Madhi* ini membuktikan terdapat perkaitan antara pengaruh keislaman dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat.

## **PENUTUP**

Penelitian kajian lepas mengenai unsur keislaman dalam manuskrip telah membawa kepada permulaan kajian ini namun perincian dilakukan dengan meneliti aspek dan konteks yang berbeza. Selain itu, teori yang dipilih dan diterapkan ketika proses penganalisisan data pula dilihat bukan

sahaja berjaya mengaitkan pengaruh Islam dalam manuskrip dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat, malah turut membantu melancarkan proses kupasan data agar selari dengan objektif kajian. Malah, kajian lepas yang telah menggunakan teori tersebut turut berjaya membuka laluan baharu kepada kajian lain yang juga menekankan kepada aspek sosial kognitif namun berbeza bahan kajiannya, terutamanya untuk kajian ini yang menggunakan manuskrip sebagai bahan kajian. Perbezaan bahan kajian dilihat mampu mempamerkan dapatan kajian dengan ialmu dan maklumat yang lebih bervariasi.

Seterusnya, menerusi pengenalan yang ditampilkan dalam kupasan awal di atas, kajian ini menjurus kepada hubungan yang berlaku antara pengaruh Islam dengan perkembangan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat. Perkaitan kedua elemen ini didapati dan diperolehi menerusi kandungan teks dalam karya sastera masyarakat Melayu terdahulu, iaitu manuskrip *Syair Madhi*. Kebudayaan yang terbina menerusi penerapan unsur keislaman dalam sesebuah manuskrip didapati bukan sekadar memberi rangsangan positif kepada bidang keilmuan Islam, malah penerapan frasa berbahasa Arab turut membawa pembaca mengenali makna frasa tersebut dengan lebih terarah dan mudah difahami. Penciptaan dan pembentukan makna jati diri baharu dapat dilahirkan menerusi pengaplikasian keilmuan Islam dalam kehidupan yang sekaligus turut mempengaruhi tingkah laku dan penggunaan berbahasa dalam sesebuah masyarakat. Antara leksikon dan frasa berunsurkan keislaman yang hadir dalam manuskrip *Syair Madhi* ialah seperti *sembahyang, mengaji, kehendak Allah, perintah Allah*, manakala frasa berbahasa Arab termasuklah *Tawakal 'alallah, Rabbul Izzati, Allahuakbar, Azzawajalla* dan lain-lain.

Akhir kajian ini memperlihatkan terdapat leksikon dan frasa berunsurkan keislaman yang bukan sahaja bersifat ilmiah dengan pembawakan maksud yang tersendiri sehingga mampu mengubah keupayaan berfikir dan keadaan sosial kognitif dalam kalangan masyarakat, tetapi turut mengheret bersama bayangan atau gambaran wujudnya para ilmuan islam sejak zaman dahulu. Kehadiran karya sastera didapati bukan sekadar mengetengahkan aspek kebahasaan, malah mampu melonjak elemen lain seperti nilai estetik yang kaya dengan unsur akhlak, moral serta kerohanian. Maka, usaha menyerapkan elemen sebegini dalam teks-teks kegunaan harian masyarakat dilihat dapat membawa bersama gabungan dan jalinan yang menjurus kepada kehadiran bahasa dengan ciri-ciri keislaman sehingga dapat memberi kesan positif kepada perkembangan tingkah laku dan komunikasi dalam kalangan masyarakat. Keadaan ini sekaligus membuktikan karya-karya sastera mampu mencerminkan hubungan sosial yang berlaku dalam kalangan masyarakat sehingga berkembang menjadi sebuah kebudayaan.

## **RUJUKAN**

- A.Aziz Deraman. (2010). Wacana peradaban Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Kaeh. (1997). Syair madhi citra Melayu nusantara. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Amat Juhari Moain. (2001). Nilai rasa dalam Bahasa Melayu. Dlm. *Monograf bahasa, sastera dan budaya Melayu*. Serdang: Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Ayu Sutorto. (2013). Sastra Bandingan & Sejarah Sastra. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Awang Azman Awang Pawi. (2010). Transformasi Sosial dalam Magnum Opus Borneo: Teks dan Konteks. *Jurnal Sari*. 28 (1), 83-98.
- Awang Sariyan. (2005). Hakikat Bahasa dan Realisasi Fungsinya dalam Pembinaan dan Penakatan Tamadun. Dlm. *Syarahana Raja Ali Haji*. Penerbit: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Awang Sariyan. (2007). Santun Berbahasa. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2009). Mencari Makna Diri Melayu (Renungan untuk Bangsaaku). Kuala Lumpur: Persatuan Linguistik Malaysia.
- Bandura, A. (1977). Self-Efficacy: Toward a unifying theory of behavior change. *Psychological Review*, 82, 191-215.
- Bandura, A. (1986). *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*, Eaglewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Bandura, A. (1989). Social Cognitive Theory. Dlm *R. Vasta (Eds), Annals of child development 6. Six theories of child development* (pp. 1-60). Greenwich, CT: JAI Press.
- Bandura, A. (1997). *Self-Efficacy: The Exercise of Control*. New York: Worth Publishers.
- Basri Husin. (2009). Beberapa Aspek Epistemologi: Konsep, Tabiat dan Sumber-Sumber Ilmu Dalam Tradisi Islam. *Jurnal Usuluddin*, 185-208.
- Esposito, F., G.H.E. Gendolla & M. Van der Linden, 2014. "Are Self-Efficacy beliefs and Subjective Task Demand Related to Apathy in Aging?". *Aging & Mental Health* (19 5), 521-530.
- Hashim Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. UPM Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Hasnah Mohamad & Junaini Kasdan. (2012). Pengantarabangsaan Bahasa Melayu: Peluang dan Hambatan. Dlm. *Zaharani Ahmad, Chun Tai-Hyun & Kim Jang-Gyem. Pengantarabangsaan Bahasa Melayu di Korea: Isu, Cabaran dan Cadangan* (pp. 181-191). Seoul: Hankuk University of Foreign Studies Press.
- Hudson, R. A. (1980). *Sociolinguistics*. Amerika Syarikat: Cambridge University Press.
- Ismail Hamid. (1988). Nilai Etika Masyarakat Melayu. Dlm. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamalluddin Hashim & Abdul Karim Ali. (2008). Kitab Sirat Al-Mustaqim Oleh Syakh Nur Al-Din Al-Raniri: Satu Sorotan. *Jurnal Fiqh*, (5), 197-215.
- Khadijah. (2013). Hikayat Indra Budiman Telaah Nilai-Nilai Religius (Kajian Hermeneutika). *Metamorfosa*, 1 (2).
- Kramsch, C. (2001). *Language and culture*. UK: Oxford University Press.
- Linton, R. (1968). *The Cultural Background of Personality*. London: Routledge
- Mat Saat Baki. (1993). *Tingkah Laku Tak Normal*. Dlm. *Psikologi Melayu*. Selenggara. Abdul Halim Othman. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- McCormick, J., Seyyed B. Alavi & Hanham, J. (2015). The Importance of Context When Applying Social Cognitive Theory in Organizations. Dlm. *A. Ortenblad (Eds), Handbook of Research on Management Ideas and Panaceas: Adaptation and Context* (p. 110-129). Cheltenham, United Kingdom: Edward Elgar Publishing.
- Mohd Taib Osman. (1988). *Kebudayaan Melayu dalam beberapa persoalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Haji Salleh. (1977). *Tradition and Change in Contemporary Malay-Indonesian Poetry*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Safiah Karim. (1981). *Beberapa Persoalan Sociolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- S. Othman Kelantan, (1992). Menarik Rambut dalam Tepung. Dlm: *Dewan Sastera*, 22 (5), 50-51.
- Salinah Ja'afar. (2005). Kesantunan Bahasa: Pertembungan antara Budaya Melayu-bukan Melayu dan Islam-bukan Islam. Dlm. *Jurnal Peradaban*, vol 3. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Sanat Md Nasir. (1998). Konsep Penting dalam Pengajian Melayu. Dlm. Sanat Md Nasir dan Rogayah A. Razak. *Pengajian Melayu Memasuki Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Shah Rul Anuar Nordin. (2012). Pemikiran Politik Islam di Aceh pada abad ke 17 M: Kajian perbandingan antara Kitab *Taj-Al Salatin*, *Sulalah Al-Salatin* dan *Bustan Al-Salatin*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shaharuddin Maaruf. (2014). Yang Abadi dan Abdi Dalam Sastera Nusantara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sidi Gazalba. (1977). Pandangan Islam Tentang Kesenian. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Syed Naquib Al-Attas. (1973). Risalah Untuk Kaum Muslimin. Kuala Lumpur: International Institute Thought & Civilization.
- Teo Kok Seong. (1997). Linguistik Antropologi, Satu Pengenalan Teoritis. Dlm. *Dewan Bahasa*, 41 (3), 242-251.